

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

169 projek pembangunan hadapi kelewatan jadual

Kuala Lumpur: Sebanyak 3,942 projek atau 45.9 peratus daripada 8,593 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sedang dalam pelaksanaan setakat 26 Ogos tahun ini, kata Ketua Audit Negara.

Bagaimanapun, 169 projek daripada projek yang sedang dalam pelaksanaan menghadapi kelewatan jadual atau sakit (bermasalah), kata Ketua Audit Negara menerusi satu kenyataan berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024 mengenai penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2023 yang

dibentangkan di Parlimen, semalam.

Lima projek lewat jadual (sakit) dengan tempoh kelewatan tertinggi yang disenaraikan ialah Program Perumahan Rakyat Seduan, Sibu, Sarawak (lewat 1,220 hari); Jalan Libaran Bypass di Sandakan, Sabah (1,021 hari); Naik Taraf Hospital Beaufort, Sabah (lewat 952 hari); Taman Industri Kecil dan Sederhana SEDCO, Kota Kinabalu Industrial Park, Sepanggar (lewat 678 hari) dan Program Perumahan Rakyat Jalan Tungku, Lahad Datu, Sabah (lewat 670 hari).

Sementara itu, 1,434 projek

berada pada peringkat pasca pelaksanaan, 3,085 projek peringkat prapelaksanaan dan 132 projek berstatus batal dan simpan dalam perhatian, menurut kenyataan itu.

Justeru, Ketua Audit Negara mengesyorkan agar pemantauan yang lebih rapi dan berterusan serta melaksanakan langkah intervensi dengan segera bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan di RMK-12 dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir 2025.

"Prestasi keseluruhan projek RMK-12 hanya akan dapat diukur pada penghujung 2025.

Sehubungan itu, pemantauan projek hendaklah dipertingkatkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-12 yang dibentangkan di Parlimen pada 11 September 2023, kerajaan memberikan penegasan terhadap usaha mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan dan pemantauan khususnya pelaksanaan strategi dan inisiatif KSP RMK-12.

"Prestasi perbelanjaan projek RMK-12 dari 2021 hingga 2023 adalah sebanyak RM231.920 bilion melebihi peruntukan yang

diluluskan sebanyak RM222.756 bilion bagi tempoh sama. Jumlah ini sudah pun mencecah 55.9 peratus daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415 bilion bagi pelaksanaan projek RMK-12," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Audit Negara turut mengemukakan 260 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh Kementerian/jabatan/agensi serta syarikat kerajaan negeri.

Sebanyak 13 penyata kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 diumumkan antara bulan Januari hingga Jun 2024.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Selasa, 15 Oktober 2024 **BI**

Sidang Dewan Rakyat

RUU penyakit berjangkit kenakan penalti RM5,000

Tujuan naik
kompau bagi
keselamatan dan
kesihatan awam

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat semalam, meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024 yang antaranya memperuntukkan nilai penalti dinaikkan kepada kadar maksimum RM5,000.

RUU berkenaan diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas bacaan kali ketiga oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni dan dibahaskan 24 Ahli Parlimen.

Lukanisman ketika mengulung sesi perbahasan RUU itu berkata, jumlah RM5,000 diperuntukkan adalah had maksimum dan kompaun sebenar akan dikenakan dengan mengambil kira tahap keseriusan kesalahan dilakukan agar ia seimbang dan adil.

Beliau menegaskan tujuan utama peningkatan kadar kompaun adalah bagi memastikan kepatuhan lebih baik terhadap peraturan ditetapkan, terutama langkah pencegahan penyakit berjangkit.



Lukanisman pada Persidangan Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

Selain itu, katanya, ia bertujuan memperkukuh kawalan kesihatan awam demi keselamatan dan kesihatan awam, sebaliknya bukan sekadar untuk menghukum atau bersifat punitif.

"Malaysia masih mengambil pendekatan munasabah dan seimbang dalam menetapkan penilaian penalti yang tidak dipinda hampir 35 tahun.

"Di Singapura, kadar denda di bawah penyakit berjangkit A, boleh mencecah hingga SGD10,000 bagi kesalahan pertama dan SGD20,000 bagi kesalahan berulang.

"Di New Zealand pula NZD500 bagi kesalahan pertama dan boleh meningkat NZD50 sehari jika kesalahan berkenaan berturutan, setiap hari.

"Ini menunjukkan denda boleh meningkat secara signifikan, jika kesalahan berlan-

jutan. Begitu juga dengan denda pelanggaran serius yang boleh mencapai hingga 'NZD10,000,' katanya, semalam.

Lukanisman yang juga Ahli Parlimen Sibuti berkata, kadar maksimum denda di Malaysia lebih munasabah berbanding negara lain serta mampu bertindak sebagai instrumen pencegahan bagi golongan yang melanggar undang-undang kesihatan awam.

Demi kesejahteraan rakyat

Kadar itu, katanya, tidak membebankan rakyat secara berlebihan, selain ia menunjukkan penetapan penalti mengambil kira kesejahteraan rakyat dan keadaan sosioekonomi negara, menjadikannya lebih berpatutan berbanding beberapa negara lain.

"Ini membuktikan Malaysia masih mampu mengekalkan keseimbangan antara pencega-

han dan keadilan, tanpa membebankan rakyat.

"Kompau yang akan dikenakan adalah berdasarkan mana-mana kesalahan boleh dikompau di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atau mana-mana peraturan dibuat di bawah akta berkenaan.

"Bayangkan jika rakyat tidak mengambil berat terhadap undang-undang berkaitan pengawal penyakit berjangkit, ini akan mengakibatkan penularan penyakit berterusan hingga menyebabkan kejadian wabak dan pandemik.

"Keperluan kemasukan ke hospital dan unit rawatan rapi yang tinggi serta mengakibatkan peningkatan kadar kematian. Ini akan menyebabkan peningkatan kos pengurusan kes penyakit berjangkit melampau yang terpaksa ditanggung kerajaan," katanya.

Mengenai MySejahtera, Lukanisman mengakui ia adalah aplikasi yang baik dan berpotensi besar dengan penggunaannya ketika ini sudah berkembang kepada temu janji pendermaan organ dan beberapa kegunaan lain.

"Penggunaan MySejahtera ketika ini juga sudah berkembang melalui temu janji pendermaan organ dan banyak aplikasi yang dapat dibangunkan dan kini kerajaan sedang dan akan menentukan hala tuju MySejahtera, sama ada mampu menjadi 'super-app' bagi rakyat di negara ini," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

KKM perhalusi permohonan IJN naikkan yuran hingga 40 peratus

Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengadakan perbincangan bersama Institut Jantung Negara (IJN) bagi memperhalusi permohonan meningkatkan kadar yuran hingga 40 peratus.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata perbincangan berkenaan juga akan membabitkan Kementerian Kewangan (MOF).

Ini kerana, katanya, KKM tidak dapat mempengaruhi jumlah yuran dikenakan kepada pesakit dirawat di IJN memandangkan institut berkenaan bukan agensi di bawah kendaliannya.

"IJN adalah institut di bawah kendalian MOF dan KKM adalah klien kepada IJN. Apa yang berlaku ketika ini adalah keputusan daripada pihak IJN.

"Kita akan berbincang dan juga akan memperhalusi apakah punca peningkatan kos ataupun fi yang mereka kenakan kepada pesakit.

"Ini juga akan memberi impak kepada KKM kerana kita masih menghantar pesakit yang dirujuk ke IJN. Kita tidak dapat mempengaruhi fi dikenakan kerana IJN bukan di bawah KKM," katanya pada sidang akhbar di Pusat Media Parlimen, di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan IJN memohon kenaikan 10 hingga 40 peratus bagi kadar yuran dikenakan kepada pesakit yang dikemukakan KKM dengan alasan ia masih mengenakan kos asal kepada kerajaan yang ditetapkan pada 2003.

Khamis lalu, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Prof Datuk Seri Dr Mohamed Ezani Md Talib, dilaporkan berkata kajian semula terhadap struktur bayaran juga perlu dilaksanakan kerana ia tidak berubah sejak 21 tahun lalu dan kini ia perlu dikira dengan inflasi serta peningkatan kos.

Tindakan semakan itu dikatakan penting untuk mengimbangi nisbah jumlah pesakit yang semakin meningkat di pusat perubatan IJN.

IJN merekodkan 334,445 pesakit luar, diikuti 18,324 pesakit tahun lalu. Peningkatan bilangan pesakit itu sekali gus menuntut pertambahan peralatan dan fasiliti untuk tindakan rawatan.

Lukanisman
Awang
Sauni



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

16

www.hmetro.com.my

@hmetromy



HarianMetro



@hmetromy

Selasa 15.10.2024 | **Harian Metro****lokal**

Kuala Lumpur: Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul memaklumkan, program Hari Tanpa Gula akan dilaksanakan di Parlimen Malaysia pada setiap Rabu bagi menyemai gaya hidup sihat.

Beliau berkata, ia bukan setakat membabitkan kakitangan Parlimen Malaysia malah meliputi ah-

Hari Tanpa Gula dilaksana di Parlimen setiap Rabu

li-ahli Parlimen.

"Ini selaras dengan kempen gaya hidup sihat yang perlu kita amalkan bersama," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Johari turut memaklumkan, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan

Awam 2024 (Akta 852) sudah diwartakan pada 2 Februari 2024 berkuat kuasa serentak dengan Peraturan-Peraturan serta Perintah di bawahnya bermula 1 Oktober lalu.

Katanya, dengan berkuat kuasanya akta itu, 28 ka-

wasan diwartakan sebagai larangan merokok termasuk bangunan Parlimen Malaysia.

"Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia sudah menetapkan merokok dan penggunaan rokok elektronik perlu mematuhi

jarak tiga meter dari bangunan," katanya.

Disebabkan itu, katanya, pengurusan Parlimen Malaysia menyediakan tiga lokasi bersesuaian untuk perkara itu iaitu berhadapan kafeteria di blok ahli Parlimen dan pentadbiran, ka-

wasan bersebelahan blok utama bertentangan dengan blok sementara dan berhadapan dewan serbaguna bersebelahan Taman Herba.

Selain itu, katanya, Parlimen Malaysia juga sudah melaksanakan projek Sistem Fotovoltia Suria.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6

NASIONAL

SINAR HARIAN • SELASA 15 OKTOBER 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

SIDANG PARLIMEN

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PE

Hari Tanpa Gula di Parlimen

Diadakan setiap Rabu, inisiatif semai gaya hidup sihat dalam kalangan ahli Parlimen

Oleh **DIANA AZIS**
KUALA LUMPUR

Dewan Rakyat melancarkan inisiatif Hari Tanpa Gula sebagai usaha menyemai gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan dan ahli-ahli Parlimen.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul berkata, inisiatif tersebut akan diadakan setiap Rabu bermula minggu ini.

"Bagi menyemarak gaya hidup sihat, Hari Tanpa Gula akan dilaksanakan di Parlimen Malaysia pada setiap hari Rabu.

"Ini selaras dengan gaya hidup sihat yang perlu diamalkan bersama," katanya ketika memulakan sidang Dewan Rakyat pada Isnin.

Selain inisiatif berkenaan, beliau memaklumkan Parlimen telah melaksanakan projek Sistem Fotovolta Suria bagi menyokong dasar berkaitan Tenaga Boleh



Johari ketika Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen pada Isnin.

Diperbaharui.

Menurutnya, Parlimen Malaysia merupakan antara Parlimen terawal di dunia yang mengoptimumkan penggunaan tenaga solar dengan kapasiti 1.5 mega watt peak (MWp) sebagai inisiatif peralihan kepada sumber tenaga lebih lestari.

Di samping itu, beliau turut mengingatkan ahli-ahli Parlimen untuk mematuhi Akta Kawalan Produk Merokok Demi

Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang diwartakan pada 2 Februari lalu.

"Sebanyak 28 kawasan telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok termasuk bangunan Parlimen.

"Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan (KKM) telah menetapkan merokok dan penggunaan rokok elektronik perlu melebihi jarak tiga meter dari bangunan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Permohonan kenaikan caj IJN dibincang bersama MOF, KKM

KUALA LUMPUR - Permohonan Institut Jantung Negara (IJN) untuk menaikkan caj sebanyak 10 hingga 40 peratus ke atas pesakit akan dibincangkan secara bersama antara Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Kewangan (MOF) dan institut itu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, KKM tidak dapat mempengaruhi fi yang dikenakan kerana IJN bukan di bawah bidang

kuasa KKM.

"IJN di bawah MOF dan KKM klien kepada IJN. Apa yang berlaku ketika ini merupakan keputusan daripada pihak IJN.

"Kita akan berbincang dan memperhalusi punca peningkatan kos atau bayaran yang dikenakan kepada pesakit," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Profesor Datuk Seri Dr Mohamed Ezani Md Taib

dilapor memohon kajian semula terhadap struktur bayaran yang tidak berubah sejak 21 tahun lalu serta menaikkan 10 hingga 40 peratus caj dikenakan terhadap pesakit.

Lukanisman turut mengakui permohonan peningkatan yuran yang dikemukakan IJN akan memberi impak kepada KKM berikutan pihaknya masih menghantar pesakit yang dirujuk ke institut itu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Naik caj 40 peratus: KKM, IJN berbincang

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) akan berbincang dengan Institut Jantung Negara (IJN) selepas hospital tersebut dilaporkan bercadang untuk menaikkan caj perkhidmatan antara 10 hingga 40 peratus.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, IJN berada di bawah Kementerian Kewangan dan KKM merupakan pelanggannya.

"Apa yang berlaku ketika ini adalah keputusan daripada pihak IJN, kita akan berbincang dengan mereka dan memperhaluskan apakah punca peningkatan kos atau bayaran yang mereka kenakan kepada pesakit.

"Ini akan memberikan impak kepada KKM kerana kita masih menghantar pesakit-pesakit yang dirujuk ke IJN. Kita tidak dapat mempengaruhi yuran dikenakan sebab ia bukan di bawah kementerian kami," katanya di Pusat Media Bangunan Parlimen, semalam.

Dilaporkan, struktur caj perkhidmatan IJN sejak lebih 20 tahun yang lalu tidak pernah naik walaupun kos meningkat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : RENCANA

Utusan Malaysia
SELASA • 15 OKTOBER 2024

14

Rencana

Kanser paru-paru semakin meningkat

MUKADIMAH

KANSER paru-paru kini menjadi salah satu penyebab utama kematian akibat kanser di Malaysia, dengan peningkatan kes yang membimbangkan dalam tempoh lima tahun terakhir.

Menurut statistik terkini dari Institut Kanser Negara (IKN), lelaki khususnya, berada dalam kumpulan berisiko tinggi, terutamanya mereka yang merokok atau pernah merokok.

Kajian menunjukkan perokok mempunyai risiko 15 hingga 25 kali ganda untuk menghidap kanser paru-paru berbanding mereka yang tidak merokok.

Pakar Perunding Pembedahan Kardiotoraks dari Pusat Perubatan Sunway, **DR. ANAND SACTHINANDAN**, berkata, selain merokok, faktor lain seperti pencemaran udara, terdedah kepada bahan kimia berbahaya, dan juga genetik turut menjadi penyumbang kepada peningkatan kes ini, termasuk dalam kalangan wanita dan golongan yang tidak merokok.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **NURUL IRDINA SUMALI** dan jurugambar, **NURUL NAJWA HASRAN**, beliau berkongsi pandangannya berkenaan kanser paru-paru.



UTUSAN: Ada peningkatan terkini kes kanser di Malaysia?

ANAND: Berdasarkan laporan terkini IKN, kita dapat melihat peningkatan kes kanser yang signifikan di Malaysia, terutama dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, dari 2017 hingga 2021. Jumlah keseluruhan kes baharu meningkat kepada 168,823, berbanding 115,238 kes yang dicatatkan antara tahun 2012 hingga 2016.

Bagi lelaki, jumlah kes baharu kanser meningkat kepada 77,692 pada tempoh 2017 hingga 2021, berbanding 51,505 pada tempoh sebelumnya. Sementara itu, bagi wanita, kes kanser juga menunjukkan peningkatan ketara, daripada 63,733 kes antara 2012 hingga 2016 kepada 91,131 kes antara 2017 hingga 2021.

Kanser paru-paru paling lazim berlaku dalam kalangan lelaki?

Kanser paru-paru memang menjadi satu daripada jenis kanser yang paling lazim dalam kalangan lelaki, kedua selepas kanser usus. Kanser paru-paru amat signifikan kerana ia sering dikaitkan dengan faktor merokok. Data menunjukkan bahawa lelaki mencatatkan peningkatan kes kanser paru-paru sebanyak 2.8 peratus dalam tempoh lima tahun, daripada 13.2 peratus pada tahun 2012 hingga 2016, kepada 16 peratus pada tahun 2017 hingga 2021.

Merokok punca utama kanser paru-paru?

Walaupun tiada kajian



Saya berharap sebahagian daripada cukai tembakau dapat digunakan untuk menggalakkan program saringan awal kanser paru-paru."

yang benar-benar dapat mengesahkan secara mutlak bahawa rokok adalah penyebab utama kanser paru-paru, kita tahu bahawa merokok merupakan faktor risiko terbesar. Perokok atau bekas perokok mempunyai risiko 15 hingga 25 kali ganda untuk menghidap kanser paru-paru berbanding mereka yang tidak pernah merokok. Rokok mengandungi pelbagai bahan kimia yang berbahaya dan bersifat karsinogenik, yang boleh menyebabkan kerosakan sel di paru-paru. Lama-kelamaan, kerosakan ini boleh membawa kepada pembentukan kanser.

Pada usia berapakah seseorang mula berisiko mendapat kanser paru-paru?

Biasanya, risiko mula meningkat dengan ketara pada usia 45 tahun ke atas. Ini terutamanya bagi mereka yang merokok atau pernah menjadi perokok. Namun, penting untuk diingat bahawa kanser paru-paru tidak hanya menyerang perokok tua. Dalam beberapa kes, individu muda yang tidak merokok

juga boleh terdedah kepada risiko ini akibat faktor-faktor lain.

Mengapa kanser paru-paru sering dikesan pada peringkat yang sudah teruk?

Salah satu ciri kanser paru-paru adalah sifatnya yang senyap dan agresif. Dalam kebanyakan kes, kanser paru-paru tidak menunjukkan simptom yang jelas pada peringkat awal. Gejala-gejala seperti batuk yang berterusan, batuk berdarah, sesak nafas, atau susut berat badan yang ketara hanya muncul apabila kanser sudah mencapai tahap tiga atau empat. Pada masa itu, kanser mungkin telah merebak ke bahagian tubuh lain seperti nodus limfa, hati, tulang, atau otak, yang dikenali sebagai metastasis. Statistik menunjukkan bahawa 95 peratus pesakit hanya didiagnosis pada peringkat akhir, iaitu ketika peluang untuk sembuh sudah sangat rendah.

Apakah tanda-tanda yang perlu diambil berat oleh seseorang yang mungkin menunjukkan mereka menghidap kanser paru-paru?

Simptom-simptom seperti batuk yang tidak sembuh, batuk berdarah, kesukaran bernafas, sakit dada, susut berat badan tanpa sebab yang jelas, atau keletihan yang melampau perlu diambil serius. Jika anda mengalami gejala ini, terutamanya jika anda mempunyai sejarah merokok, segera dapatkan pemeriksaan perubatan.

Wanita juga berisiko tinggi mendapat kanser paru-paru?

Ya, walaupun kadar

merokok dalam kalangan wanita lebih rendah, mereka juga terdedah kepada risiko kanser paru-paru. Malah, kes kanser paru-paru dalam kalangan wanita turut meningkat sebanyak 1.5 peratus dalam tempoh lima tahun terakhir, daripada 11.1 peratus pada tahun 2012 hingga 2016, kepada 13.7 peratus pada tahun 2017 hingga 2021. Ini tidak semestinya disebabkan oleh merokok sahaja. Banyak faktor lain yang boleh menyumbang, termasuk pencemaran udara, terdedah kepada bahan kimia berbahaya seperti asbestos atau gas radon, serta asap dari dapur semasa memasak.

Ada kes kanser paru-paru dalam kalangan individu yang tidak merokok?

Ya, salah satu kes yang paling mengesankan adalah seorang wanita berbangsa Cina berusia 29 tahun yang saya rawat. Dia tidak mempunyai sejarah merokok dan tiada sejarah keluarga yang menghidap kanser, namun disahkan menghidap kanser paru-paru. Ini menunjukkan bahawa kanser paru-paru tidak hanya menyerang perokok, tetapi juga boleh berlaku akibat faktor-faktor lain.

Apakah peluang pesakit untuk pulih jika kanser paru-paru dikesan lebih awal?

Jika kanser paru-paru dapat dikesan pada peringkat awal, peluang untuk pulih lebih cerah. Saringan awal membolehkan kanser dikesan sebelum ia merebak, membolehkan rawatan yang lebih efektif diberikan. Pesakit mungkin

mempunyai lebih banyak pilihan rawatan seperti pembedahan, kemoterapi, atau terapi radiasi, dan kualiti hidup mereka dapat dipertingkatkan. Oleh itu, saringan awal sangat penting, terutama bagi mereka yang berisiko tinggi seperti perokok, bekas perokok, atau individu yang mempunyai sejarah keluarga dengan kanser paru-paru.

Apa usaha dalam mengurangkan penggunaan rokok di Malaysia?

Saya menyokong langkah kerajaan menaikkan kadar cukai ke atas produk tembakau. Ini adalah satu langkah yang baik dalam usaha mengurangkan penggunaan rokok. Namun, saya juga berharap sebahagian daripada cukai ini dapat digunakan untuk menggalakkan program saringan awal kanser paru-paru, yang merupakan langkah pencegahan yang paling efektif.

Apa langkah terbaik mengurangkan beban penyakit kanser paru-paru di Malaysia?

Saringan awal adalah langkah terbaik yang boleh kita ambil untuk mengurangkan beban penyakit ini. Melalui saringan, kita dapat mengesan kanser paru-paru pada peringkat yang lebih awal, di mana rawatan lebih berkesan dan pesakit mempunyai peluang yang lebih baik untuk pulih. Dalam jangka panjang, ini juga dapat membantu mengurangkan kos rawatan dan meningkatkan kualiti hidup pesakit.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

8 Nation

THE STAR, TUESDAY 15 OCTOBER 2024



AT THE DEWAN RAKYAT

Reports by KHOO GEK SAN, MARTIN CARVALHO and GERARD GIMINO

No more smoking in Parliament building, MPs told

THE days of lawmakers smoking within the Parliament building are over.

The building is one of 28 designated no-smoking zones following the enforcement of the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) on Oct 1 and lawmakers have been reminded that they will face stiff penalties if they fail to comply.

Urging MPs to obey the order, Speaker Tan Sri Johari Abdul said three smoking locations have been designated – in front of the cafeteria at the MPs and administration block, the area next to the main block and in front of the multipurpose hall. All three areas are some distance away from the main building.

Previously, MPs could be seen

smoking at the entrance of the building.

“We hope all MPs and those in Parliament can give their cooperation,” Johari said in his address prior to the start of Parliament here yesterday.

Enforcement of Act 852 began on Oct 1 and it covers regulations on registration, sale, packaging, labelling and prohibition of smoking

in public places. Enforcement will be done in stages, with grace periods offered for businesses to adapt to the new laws.

Johari also reminded the House of the no-sugar day policy in Parliament every Wednesday.

“This will not only involve Parliament staff but also MPs. It is in line with healthy lifestyle campaigns that we must practice

together,” he said.

He also reminded lawmakers of the Nov 11 deadline to carry out their mandatory health checks.

“Congratulations to those who have already undergone checks. Those who have yet to do so, I appeal for you to do it,” he said.

The Parliament meeting, which began yesterday, will continue until Dec 12.

Explanation sought from IJN over fee hike

THE Health Ministry will seek explanation from the National Heart Institute (IJN) on its plans to increase fees for patients referred by the ministry, says Datuk Lukanisman Awang.

The Deputy Health Minister said it is important for the matter to be explained as an increase in IJN's fees would have an impact on the ministry, which is a client of the hospital.

“We will hold talks with the Finance Ministry and IJN to find out in detail the reasons behind the proposed fee hike. We cannot influence the fees as IJN is not under us,” he told a press conference in Parliament yesterday.

It was recently reported that IJN intended to increase fees by 10% to 40% for patients referred by the Health Ministry.

The report stated that the proposed hike was due to inflationary pressure and rising operating cost, which impacted the hospital's current fee structure that had been in place since 2003.

Newly-minted IJN chief executive officer Prof Datuk Seri Dr Mohamed Ezani Md Taib was quoted as saying that the proposed plan would be based on the procedures.

He cited an example where a bypass surgery done in private hospitals could range between RM110,000 and RM120,000 compared to between RM40,000 and RM50,000 charged by IJN for the same procedure.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 15 OCTOBER 2024

Nation 9

RM17.90 – price of a healthy diet

Experts: Most M'sians cannot eat healthy if prices go up and income stagnates

By **DIYANA PFORDTEN**
and **SHYAFIQ DZULKIFLI**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: For many Malaysians struggling with the cost of living, the price of a healthy diet is getting harder to swallow as food prices continue to go up.

In conjunction with the United Nations' World Food Day tomorrow, *The Star* went grocery shopping to find out how much it costs to eat healthy in the Klang Valley, where prices are typically higher than rural locations.

We went to a popular grocery outlet to buy ingredients needed for cooking and preparing a week's worth of healthy meals for one person, based on information in the Health Ministry's Malaysia Dietary Guidelines.

The ministry's guide contains a menu of recommended meals along with ingredients, serving sizes and nutritional information.

Calculating from the total bill, we found that it would cost a person an average of RM17.90 per day to eat healthy, based on the meals listed in the guide.

Animal-source food made up 30% of our bill, followed by vegetables (18.3%), starches (16.7%), oils and fats (16.2%), fruits and legumes (12.2%), and nuts and seeds (6.7%).

Data from the World Bank, meanwhile, shows a lower estimate of how much a healthy diet costs in Malaysia.

According to figures from the international financial institution, the minimum cost of a healthy diet in Malaysia is RM5.94 per person per day.

Such an amount will buy the least expensive locally available food to meet the requirements for energy and food-based dietary guidelines for one person.

According to the World Bank, among others, fruits make up the biggest portion of the cost for a healthy diet, at 24.9% or RM1.35 a day, followed by animal source food at 23.8% (RM1.28) and vegetables at 20.8% (RM1.12).

Actual prices for food items will vary according to location and other factors, but according to

A day's healthy diet menu

Breakfast			
Food item	Qty	Unit	Calorie (kcal)
Wholemeal bread	2	Slice	181
Cheese	2	Slice	124
Omelette (egg)	2	Piece	260
Low fat milk	1	Glass	110
Total			675

Lunch			
Food item	Qty	Unit	Calorie (kcal)
Banana	1	Piece	63
White rice	2	Scoop	100
Fish (Cencaru) fried w/chilli	1	Piece	200
Pucuk paku			40
Sliced cucumber			15
Tofu with garlic sauce			80
Total			498

Tea Break			
Food item	Qty	Unit	Calorie (kcal)
Wholemeal cracker	4	Piece	106
Total			106

Dinner			
Food item	Qty	Unit	Calorie (kcal)
Aglio Olio with meat			329
Mixed vege - carrot & string beans			120
Apple	1	Piece	65
Total			514

TOTAL DAILY CALORIES 1,793

Khazanah Research Institute (KRI) research associate Dr Teoh Ai Ni, the total price of a healthy diet in Malaysia is likely much higher than the World Bank's estimate.

This is due to hidden costs such as time spent to acquire the food, food preparation, transportation cost, as well as energy and fuel costs.

"It does not fully capture the cost we incur every day.

"One reason is that the definitions used by the World Bank and the UN's Food and Agriculture Organisation (FAO) reflect the most affordable locally available food.

"The fact is that as a consumer, we don't constantly go hunting for the most affordable options for us," said Teoh, who wrote a KRI discussion paper in June about food environment and

nutrition inequalities in Malaysia.

She said when prices of certain food go up, many lower-income earners cope by adjusting their spending.


"In many cases, they opt to spend on food that is higher in starch, such as rice, bread and grains," she said.

"These types of food will give more carbohydrates and energy versus a diet with more fruits and vegetables that are full of nutrients but lower in energy."

The World Bank's data shows that an estimated 1.8% of Malaysia's population – which is about 600,000 people – could not afford a healthy diet in 2022.

The figures also show that the share of Malaysia's population who cannot afford a healthy diet has fallen over the years, from 4% in 2017 to 1.8% in 2022.

Teoh said the reduction is main-



ly due to numerous government policies, such as food subsidies, cash transfer for the poor, food assistance and food banks.

The government has also introduced several measures over the past few years to help lower-income earners.

They include electricity rebate, Sumbangan Tunai Rahmah and Sumbangan Asas Rahmah.

Despite the drop, Teoh said the current situation cannot be taken lightly.

"We cannot underestimate the numbers because 600,000 is still a lot of people for Malaysia, an upper-middle income country."

Teoh said the cost of a healthy diet would likely continue to rise due to inflation.

She said without a commensurate increase in income and wages, more people would not be able to afford a healthy diet.

"That means this problem will persist or might even turn into a bigger issue, especially when our country is also facing an issue of wage stagnation," she said.

Teoh said bigger households are spending increasingly more money eating out due to time factor. This, she said, exposes them to more unhealthy food options, compared with eating at home.

"When you are cooking at home, you are more in control,"

she said.

The cost of a healthy diet can also be affected by locality and culture or ethnic influences, said Teoh.

To support a healthier diet in Malaysia, she said it is crucial to invest in research and infrastructure to increase fruit and vegetable production, as well as reduce food wastage, lower transportation cost, and stabilise food prices.

She said improving wages and addressing broader issues like urban planning and labour policies are essential to ensure people can afford and have access to nutritious food.

World Food Day is an international day celebrated every year worldwide on Oct 16 to commemorate the date of the founding of the FAO in 1945.

This year's theme is, "Right to foods for a better life and a better future."

Read this story at thestar.com.my for more details on what we bought and the meals we prepared.



AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : VIEWS

Improving the home death certification process

AFTER learning and working in a First World country, I recently returned to Malaysia to do my part for the rakyat.

I work with cancer patients. As any oncologist will tell you, no matter how good the treatment, once a cancer has spread the treatment intent is palliative, to prolong the patient's time as long as possible, hopefully with a good quality of life.

Stage IV cancer will stop responding to treatment one day, or the patient will become too unwell for further treatments; at this time, cancer doctors usually begin working with a palliative and hospice care team to ensure the patient's journey ends well.

Worldwide, many studies have shown that a majority of patients prefer a home death, where they can be cared for by loved ones in familiar surroundings. Many of my patients prefer this, especially the elderly, which makes up the bulk of our cancer population.

If the patient and family are keen, we usually try to make this



Photo: 123rf

happen, no matter how short the time left, providing support with home visits within the limit of the resources of our hospice partners. Upon a patient's death, the family will usually call for hospital emergency services to certify the passing.

However, I recently realised that when it comes to the cause, a home death will be recorded on the death certificate as "Unknown" or "Old Age". I don't

know if every home death in Malaysia is dealt with like this or if this is just my inadequate experience with the system here, but I have spoken to many hospice providers and have been informed that this is indeed the policy: That the cause of any death outside the hospital/healthcare system must be recorded as unknown or old age (if the deceased is above 60 years old) unless a postmortem is performed.

Apparently, even with an official letter from the hospital stating that the patient opted for home death due to terminal cancer, the cause of death must be recorded as unknown or old age. I believe this is due to a certain legal basis.

But this has shortcomings. For one thing, our cancer death statistics would miss this group of patients. Given that the number of patients who opt for home death can be more than one-third of cancer patients, we are missing a glaring proportion of cancer deaths. Without good data, our

health interventions may not be hitting the right target.

Secondly, this policy causes an unnecessary predicament for family members. While they are grieving the departure of their loved one, they should not be made to take an unnecessary route in administrative processes such as finalising the will, making insurance claims, and so on.

Although another memo can be appended to the death certificate and usually it is effective, I humbly think that the relevant authorities should look into this. I do not think that addressing this issue will require moving mountains.

I would like to suggest that if a terminally ill patient opts for a home death, an official letter from the treating cancer/palliative doctors made available to whoever is certifying the death should be adequate to record the death properly and correctly as due to cancer.

ACS
Kuching

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : BIZ & FINANCE

Local private healthcare, medical tourism sector to rake in RM2b this year

BY HAYATUN RAZAK
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia's private healthcare and health tourism sector is expected to generate US\$526 million (RM2.26 billion) in revenue this year, contributing an economic spillover of US\$2.1 billion to other industries, according to Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade).

Matrade deputy director Abdul Halim Mohammed Shariff said Malaysia's prominence in medical tourism is underscored by medical treatments, trained healthcare professionals and economic costs.

"Healthcare tourism is one of the strongest segments within the healthcare industry. As you can see, we have hospitals like IHH, where revenue has reached up to US\$3.9 million," he said in his presentation on "The Business Opportunities of the Healthcare Sector in Southeast Asia" at a press conference on International Healthcare Week 2025 (IHW 2025) yesterday.

Meanwhile, Abdul Halim said Malaysia's medical device market is expected to grow at a compound annual growth rate (CAGR) of 9.5% from 2023 to 2028, reaching a value of US\$3.64 billion by 2028. Additionally, the consumables segment in the market is projected to expand at a higher CAGR of 10.2% over the same period, reaching US\$986 million by 2028.

Matrade chairman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican stated that Malaysia's healthcare sector is poised for significant growth, driven by increasing life expectancy, technological advancements, and the rising need for treatment of chronic diseases.

"This optimistic outlook aligns with the projected expansion of this global industry which is expected to soar by 63% from RM2.53 trillion in 2024 to RM4.13 trillion by 2032. This significant growth presents exciting opportunities for Malaysian companies to strengthen their position in the global healthcare landscape," he said.

He said Malaysia is well-positioned to capitalise on this growth with strategic focus on medical devices and healthcare tourism. Substantial investments in this sector's infrastructure has solidified Malaysia's reputation as a leading healthcare destination.

Infoma Markets regional portfolio director for Asean Rungphach (Rose) Chitanuwat said that as the Asean region evolves, significant growth in the healthcare market is being propelled by rising wealth, demographic shifts, technological advancements, and changing consumer expectations. "These trends will shape the future of healthcare across Asean."

IHW 2025, organised by the organisers – Matrade and Infoma Markets – is set to take place from July 16 to 18, 2025, in Kuala Lumpur.